


LATIHAN BAHAGIAN A


1. Rajah 1 menunjukkan langkah kerja bagi kaedah temu bual. Tulis urutan kaedah temubual yang betul. Kaedah 1 diberi.



Rajah 1

[3 markah]

2. Nyatakan langkah kerja bagi kaedah kajian pemerhatian.



[2 markah]

3. Soal selidik merupakan salah satu cara mendapatkan maklumat. Susun semula aktiviti yang dilakukan dalam soal selidik pada Jadual 1 mengikut urutan yang betul. Jawapan **3** dan **5** telah diberikan.

Aktiviti	Urutan
Merumuskan dan melaporkan dapatan	5
Menentukan bilangan sampel dan bilangan	
Menganalisis maklum balas responden	
Menyediakan borang soal selidik	
Mengedarkan dan mengumpulkan semula borang soal selidik	3

Jadual 1

[3 markah]

4. Pernyataan di bawah menunjukkan satu contoh huraian data yang dibuat oleh seorang pelajar mengenai masalah pencemaran air longkang di sebuah kawasan perumahan terhadap 10 orang responden melalui kaedah soal selidik.

- a. 95% responden menyatakan air sungai berbau busuk dan menyebabkan ketidakselesaan manakala 5% lagi responden tidak mengalami masalah itu.
- b. 90% responden pernah berjumpa doktor mendapat penyakit seperti demam denggi akibat pencemaran air di longkang manakala 10% responden yang lain tidak pernah mengalaminya.

Bina **dua** soalan soal selidik yang bersesuaian dengan huraian data di atas.

- a)
-
- b)
-

[2 markah]

5. Susunkan langkah kerja kaedah kajian pemerhatian dengan menulis urutan 1, 2 atau 3 pada ruang yang disediakan dalam Rajah 2.

i).....	Mencatat maklumat berkaitan dan mengambil gambar dan video
ii).....	Membuat rumusan laporan dapatan pemerhatian
iii).....	Mengenal pasti lokasi, tempat dan masa untuk membuat pemerhatian

Rajah 2

[3 markah]

6. Pengumpulan maklumat dan data boleh dijalankan dengan pelbagai kaedah. Nyatakan kaedah pengumpulan data pada Jadual 2 di bawah.

Aktiviti Pengumpulan Data	Kaedah Pengumpulan Data
Bertemu dengan responden dan mengemukakan soalan secara lisan.	i)
- Memerhati, mengambil gambar dan mencatat segala perlakuan yang dilihat, serta dilakukan. - Dilakukan selama 5 hari	ii)
Menerangkan kejadian yang pernah dialami sendiri berkaitan dengan masalah yang telah dikenal pasti.	iii)

Jadual 2

[3 markah]

7. Jadual 3 menunjukkan beberapa bentuk persembahan data. Namakan bentuk persembahan data tersebut.

.....		

Jadual 3

[3 markah]


8. Jadual 4 menunjukkan langkah kerja bagi kaedah soal selidik yang tidak mengikut urutan yang betul. Tulis **1, 2, 3 dan 4** mengikut urutan yang betul pada ruang yang disediakan.

Menentukan sampel dan bilangan	
Merumuskan dan melaporkan dapatan	5
Menyediakan borang soal selidik	
Menganalisis maklum balas responden	
Mengedarkan dan mengumpulkan semula borang soal selidik	


Jadual 4

[4 markah]

9. Lengkapkan Rajah 3 dengan menulis kaedah kajian yang betul pada ruang yang disediakan.



i)



ii)



iii)

Rajah 3

[3 markah]